



**MUZIAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN,
LEBUHRAYA DARUL AMAN,
BAKAR BATA,
05100 ALOR SETAR.
Tel : 04 – 7331162 / Fax : 04 - 7305100**

Permohonan adalah dipelawa daripada **WARGANEGARA MALAYSIA** dan keutamaan kepada rakyat Negeri Kedah Darul Aman yang berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

BIL.	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	TARAF JAWATAN / BIL. KEKOSONGAN	JADUAL GAJI		
						GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)	KENAIKAN TAHUNAN (RM)
1.	Jurufotografi	B19	Bakat dan Seni (B)	Pelaksana	Tetap / satu (1) kekosongan	1,360.00	4,032.00	100.00
2.	Pembantu Muzium	S19	Sosial (S)	Pelaksana	Kontrak / Satu (1) kekosongan	1,352.00	4,003.00	100.00
3.	Pemandu Kenderaan	H11	Kemahiran (H)	Pelaksana	Kontrak / Dua (2) kekosongan	1,218.00	2,939.00	80.00
4.	Pembantu Awam	H11	Kemahiran (H)	Pelaksana	Kontrak / satu (1) kekosongan	1,218.00	2,939.00	80.00

1. **JURU FOTOGRAFI GRED B19 (TETAP)**

1.1. **SYARAT LANTIKAN:**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

1.2. **KELAYAKAN:**

- (i) mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan /atau kamera filem serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B19 : RM 1,360.00); atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B19 : RM 1,360.00); atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B19 : RM 1,418.12; atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B19 : RM 1,476.24)

1.3. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:**

Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii), 1(c)(iii), 1(c)(iv) atau 1(d)(ii), 1(d)(iii), 1(d)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

1.4. **SYARAT UJIAN KHAS:**

Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni foto, kamera filem atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan. Calon yang memohon jawatan ini perlu memiliki kamera DSLR untuk dibawa bersama semasa menghadiri Ujian Bakat Juru Fotografi.

1.5. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab membuat liputan filem / video bersuara atau tidak, membuat penggambaran rancangan khas dan bertanggungjawab ke atas mutu teknik penghantaran dan peralatan.

2. JAWATAN PEMBANTU MUZIUM GRED S19 (KONTRAK)

2.1. SYARAT LANTIKAN:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

2.2. KELAYAKAN:

- i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Kepujian dalam salah satu subjek Sejarah, Kesusasteraan, Sains, Geografi, Fizik, Kimia atau Biologi pada peringkat peperiksaan tersebut.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S19 : RM 1,352.00); atau

- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S19 : RM 1,408.40); atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S19 : RM 1,464.80); atau

- iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2.3. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kebersihan koleksi muzium serta galeri pameran, membantu kerja-kerja pengumpulan koleksi penyelidikan (sejarah, kebudayaan dan alam semula jadi) serta penyediaan pameran, ekskavasi arkeologi, konservasi dan sebagainya.

3. PEMANDU KENDERAAN GRED H11 (KONTRAK)

3.1. SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (d) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2 yang dikeluarkan oleh Jabatan pengangkutan Jalan (kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P));
- (e) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini;
- (f) Gaji permulaan pada Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

Lesen D	:	RM 1,264.00
Lesen E/E1/F2	:	RM 1,310.00
Lesen F/H	:	RM 1,356.45
Lesen G/I	:	RM 1,402.60
- (g) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- (h) Mempunyai tiga (3) hingga lima (5) tahun pengalaman memandu.
- (i) Lulus dengan kepujian bagi Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Pentaksiran Tingkatan 3 / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Keutamaan adalah kepada calon yang memiliki Lesen Kelas E)

3.2. DESKRIPSI TUGAS :

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu daripada Jabatan pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda dan bas.

4. PEMBANTU AWAM GRED H11 (KONTRAK)

4.1. SYARAT LANTIKAN:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) / Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau [Gaji permulaan ialah pada Gred H11 : RM 1,218.00]
- d) Lulus dengan kepujian bagi Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Pentaksiran Tingkatan 3 / Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4.2. DESKRIPSI TUGAS :

- (i) Menjalankan tugas-tugas am bersifat *hands-on* yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja; dan
- (ii) Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

PERMOHONAN:-

Borang MNK 1/2020 (berharga RM2.00) boleh didapati di Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia, Pejabat Muzium Negeri Kedah Darul Aman. Borang yang lengkap diisi hendaklah ditulis nama jawatan di bahagian atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar ke Muzium Negeri Kedah Darul Aman seperti di alamat berikut:-

**PENGARAH,
MUZIUM NEGERI KEDAH DARUL AMAN,
LEBUHRAYA DARUL AMAN,
BAKAR BATA,
05100 ALOR SETAR,
KEDAH DARUL AMAN.**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN:- 07 JANUARI 2021 (KHAMIS)

PERHATIAN KEPADA PEMOHON:-

1. Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil-sijil persekolahan, kelulusan akademik dan dokumen-dokumen lain yang telah diakui sah;

2. Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
3. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga;
4. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya; dan
5. Pentadbiran Muzium Negeri Kedah Darul Aman tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temuduga.

/wj.